

PU(A) 164

TARIKH PERSETUJUAN MENTERI ... 20hb. Mei, 1972
(Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi)
(Menteri Pertanian Dan Perikanan, Malaysia)

TARIKH DITERBITKAN DALAM WARTA ... 8hb. Jun, 1972

UNDANG UNDANG MALAYSIA
AKTA PERSATUAN NELAYAN, 1972
PERATURAN-PERATURAN
PERSATUAN NELAYAN, 1972

SUSUNAN KANDUNGAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan	Muka Surat
1. Nama dan mula berkuatkuasa.	40
2. Tafsiran.	40

BAHAGIAN II

PENUBUHAN PERSATUAN NELAYAN KAWASAN

3. Penubuhan jawatankuasa persediaan, kandungan dan tugas-tugasnya.	41
4. Jawatankuasa persediaan memberitahu Pendaftar dalam masa satu bulan dari tarikh mesyuarat penubuhan.	41
5. Mesyuarat penubuhan dan perlantikan jawatankuasa sementara	41
6. Permohonan untuk pendaftaran.	41
7. Meluluskan permohonan dan mengeluarkan perakuan.	41
8. Pemberitahu mengenai tarikh pemilihan, dan akibat tidak mengadakan pemilihan itu.	41
9. Acara jika tiada Unit Nelayan ditubuhkan.	42
10. Pemberitahu pemilihan dan pemilihan Lembaga Pengarah.	42
11. Penamatan jawatankuasa sementara.	42
12. Kuasa jawatankuasa sementara.	42

BAHAGIAN III
PENUBUHAN PERSATUAN NELAYAN
NEGERI DAN KEBANGSAAN

Peraturan	Muka Surat
13. Notis maksud hendak menggabung, penubuhan jawatankuasa persediaan, kandongannya.	42
14. Kewajipan jawatankuasa persediaan.	43
15. Mesyuarat Agong Luarbiasa untuk meluluskan ketetapan menerima dan mengesahkan jawatankuasa sementara dan untuk mengadakan pemilihan selepasnya.	43
16. Permohonan untuk pendaftaran.	43
17. Kelulusan permohonan dan pengeluaran perakuan.	44
18. Pemberitahu mengenai tarikh pemilihan Lembaga Pengarah, pemilihan dan akibat tidak mengadakan pemilihan.	44
19. Penamatan jawatankuasa sementara.	44
20. Kuasa jawatankuasa sementara.	44
21. Acara bagi penggabungan Persatuan Nelayan Negeri ke dalam suatu Persatuan Nelayan Kebangsaan.	44

BAHAGIAN IV
AHLI, WAKIL DAN PENGARAH

22. Permohonan bagi menjadi ahli biasa dan kuasa untuk menolak penyenggaraan.	44
23. Kuasa dan keistimewaan ahli-ahli biasa.	45
24. Permohonan bagi menjadi ahli bersekutu.	45
25. Batasan bagi keistimewaan seseorang ahli bersekutu.	45
26. Penggantungan ahli biasa.	45
27. Pemberhentian dari menjadi ahli.	45

Peraturan**Muka Surat**

28. Bilangan Wakil Unit, Wakil Kawasan dan Wakil Negeri.	46
29. Siapa yang boleh menjadi wakil dan siapa yang boleh mengundi.	46
30. Pemberhentian daripada jawatan wakil.	46
31. Kandungan sesuatu Lembaga Pengarah.	46
32. Pemberhentian dari menjadi Pengarah.	47
32A. Kuasa Menteri untuk memecat, menggantung mana-mana ahli Lembaga atau lain-lain pegawai.	47

BAHAGIAN V**MESYUARAT AGUNG PEMILIHAN MEMEGANG****JAWATAN DAN PEMBUANGAN**

33. Siapa yang boleh mengundi dalam sesuatu Mesyuarat Agung	48
34. Mesyuarat Agung Tahunan.	48
35. Mesyuarat Agung Luarbiasa.	49
36. Tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.	49
37. Pemberitahu Mesyuarat Agung Tahunan.	50
38. Penamaan disifatkan tutup pada tengah hari.	50
39. Pemilihan diadakan sekali dalam tiap-tiap dua tahun.	50
40. Acara di penutup penamaan dan Lembaga yang lalu terus memegang jawatan jika tiada pemilihan.	51
41. Pengeluaran kertas-kertas undi. Lembaga yang dahulu untuk terus berkhidmat jika tiada pemilihan.	51
42. Pegawai yang mengetuai membuat tiga senarai pada penutup pengundian.	51
43. Menentukan calon-calon yang berjaya.	51
44. Peruntukan-peruntukan khas berkenaan Unit-unit Nelayan dan Persatuan Nelayan Kebangsaan.	52
45. Mengundi secara proxy.	52

Peraturan**Muka Surat**

46. Sah tidaknya kertas-kertas undi.	52
47. Kekosongan di dalam jawatan-jawatan yang dipilih, acara bagi mengisi jawatan yang dikosongkan dan perjalanan mesyuarat tidak dibatalkan oleh sebab kekosongan dan lain-lain.	52
48. Pegawai yang mengetuai di mesyuarat-mesyuarat.	53
49. Senarai untuk disimpan hingga pemilihan yang berikutnya.	53
50. Pembuangan seseorang pegawai yang dipilih.	54
51. Peraturan 50 tidak dipakai kepada pegawai yang dilantik.	54
52. Kuasa untuk membuang oleh Menteri.	54
52A. Kuasa Pendaftar untuk mengarahkan Mesyuarat Agung untuk meminda perlembagaan.	54

BAHAGIAN VI**KEMASUKAN PERSATUAN-PERSATUAN****BAHARU KE DALAM PERSATUAN-PERSATUAN****YANG ADA**

53. Permohonan oleh sesuatu Persatuan untuk menjadi ahli di dalam Persatuan peringkat yang lebih tinggi.	55
54. Penubuhan jawatankuasa bersama dan kewajipan-kewajipannya.	55
55. Mesyuarat Agung Luarbiasa untuk meluluskan ketetapan-ketetapan mempersetujui menyumbang wang dan untuk bergabung dan mengadakan pemilihan selepasnya.	55
56. Penubuhan Unit-unit Nelayan baharu.	55
57. Pemilihan selepas meluluskan ketetapan.	56

BAHAGIAN VII

KEMASUKAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN

SEBAGAI UNIT NELAYAN

58. Permohonan untuk menyertai sesuatu Persatuan Nelayan dan penyenaaraian sebagai suatu Unit Nelayan.	56
59.. Kewajipan sesuatu pertubuhan.	56
60. Wakil-wakil Unit daripada sesuatu pertubuhan kepada Persatuan Nelayan Kawasan.	57
61. Peruntukan-peruntukan khas jika tiada Unit Nelayan dalam Persatuan Nelayan Kawasan.	57
62. Peruntukan-peruntukan khas berkenaan Pengarah-pengarah daripada pertubuhan.	57
63. Pembuangan seseorang Wakil Unit daripada sesuatu pertubuhan.	57
64. Membuang sesuatu pertubuhan.	58
65. Peruntukan-peruntukan am berkenaan pemecatan atau pembuangan.	58

AKTA PERSATUAN NELAYAN, 1971

PERATURAN-PERATURAN PERSATUAN NELAYAN, 1972

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 27 Akta Persatuan Nelayan, Menteri Pertanian dan Perikanan dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Akta 44.

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Persatuan Nelayan, 1972**, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 4 haribulan Mei, 1972.

Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam peraturan-peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

"Akta" ertinya Akta Persatuan Nelayan, 1971;

Akta 44.

"Lembaga Pengarah" ertinya badan yang mengurus sesuatu persatuan yang pengurusan hal ehwalnya telah diamanahkan kepadanya;

"pegawai" termasuk seorang Pengerusi dan seseorang ahli Lembaga Pengarah;

"pegawai penyelia" ertinya mana-mana Pegawai Penyelia Wilayah atau Negeri yang dilantik dibawah seksyen 9 (1) Akta;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Persatuan-Persatuan Nelayan yang dilantik dibawah seksyen 6 (1) Akta dan termasuk Penolong-Penolong Pendaftar;

"perlembagaan" atau "kaedah-kaedah" ertinya perlembagaan berdaftar yang dibuat oleh sesuatu persatuan pada menjalankan mana-mana kuasa yang diberi oleh Akta dan Peraturan-peraturan ini;

"Persatuan" ertinya sesuatu Persatuan Nelayan yang didaftarkan di bawah Akta;

"Unit Nelayan" atau "Unit" ertinya sesuatu kumpulan nelayan yang ditaraf dari segi ilmu alam atau dari segi tugas sebagai dalam kawasan kegiatan Persatuan Nelayan Kawasan.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN PERSATUAN NELAYAN KAWASAN

3. (1) Atas permintaan bertulis oleh tidak kurang daripada lima puluh orang layak untuk menjadi ahli di bawah seksyen 11 (1) Akta, Pegawai Penyelia Negeri hendaklah melantik suatu jawatankuasa persediaan untuk menyediakan penubuhan suatu Persatuan Nelayan Kawasan.
- (2) Jawatankuasa persediaan itu hendaklah mengandungi tidak kurang daripada tujuh orang ahli yang dilantik oleh Pegawai Penyelia Negeri. Jawatankuasa persediaan itu hendaklah melantik seorang pengerusi dari kalangan ahli-ahlinya.
- (3) Jawatankuasa persediaan itu hendaklah—
- (a) menentukan nama, kawasan kegiatan, tujuan dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan Persatuan Nelayan Kawasan yang dicadangkan itu;
 - (b) menentukan nama dan kawasan kegiatan atau kawasan bertugas bagi Unit-unit Nelayan;
 - (c) menjalankan tinjauan perikanan dan ekonomi untuk menentukan aktiviti-aktiviti perkhidmatan yang akan diberikan;
 - (d) menyediakan perlembagaan dan anggaran perbelanjaan;
 - (e) menentukan nilai muka serta stok modal,
 - (f) menjalankan semua perkara berkenaan dengan penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan yang dicadangkan itu.
4. (1) Jawatankuasa persediaan hendaklah dalam masa satu bulan dari tarikh perlantikan mereka memberitahu Pegawai Penyelia Negeri berkenaan tarikh mesyuarat penubuhan Persatuan Nelayan Kawasan yang dicadangkan itu.
- (2) Pegawai Penyelia Negeri hendaklah berjalan dan menyelia mesyuarat penubuhan itu.
5. (1) Mesyuarat penubuhan bagi semua ahli hendaklah menerima perlembagaan dan anggaran perbelanjaan yang disediakan oleh jawatankuasa persediaan dan mengesahkan jawatankuasa persediaan itu sebagai jawatankuasa sementara.
- (2) Koram bagi mesyuarat penubuhan itu ialah lima puluh orang.
6. (1) Pengerusi jawatankuasa sementara itu hendaklah dalam masa empat belas hari dari tarikh mesyuarat penubuhan itu menghantar kepada Pendaftar—
- (a) suatu permohonan dalam empat salinan dalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar; dan
 - (b) dua salinan perlembagaan.
- (2) Permohonan itu hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan dua orang ahli jawatankuasa sementara.
7. (1) Pendaftar hendaklah meluluskan atau menolak permohonan itu.
- (2) Jika permohonan itu diluluskan Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran.
8. (1) Pengerusi jawatankuasa sementara hendaklah dalam masa satu bulan kalender dari tarikh pendaftaran Persatuan Nelayan Kawasan itu memberikan kepada Pendaftar notis mengenai pemilihan Wakil-wakil, Unit dan hendaklah memberitahu secara bertulis semua ahli-ahli dalam Unit-unit Persatuan itu.

Penubuhan jawatankuasa persediaan, kandungan dan tugas-tugasnya.

Jawatankuasa persediaan memberitahu Pendaftar dalam masa satu bulan dari tarikh mesyuarat penubuhan.

Mesyuarat penubuhan dan perlantikan jawatankuasa sementara.

Permohonan untuk pendaftaran.

Meluluskan permohonan dan mengeluarkan perakuan.

Pemberitahu mengenai tarikh pemilihan, pemilihan dan akibat tidak mengadakan pemilihan itu.

(2) Semua pemilihan bagi Wakil Unit hendaklah diselesaikan dalam masa dua bulan dari tarikh pendaftaran itu. Pemilihan yang akhir diadakan yang diselesaikan dalam masa dua bulan hendaklah, walaupun ada pemilihan-pemilihan Unit yang lain yang belum di selesaikan, disifatkan sebagai pemilihan akhir diadakan bagi Wakil-wakil Unit.

(3) Pendaftar hendaklah memotong Persatuan Nelayan itu daripada daftar-

(a) jika ia tidak diberikan notis berkenaan pemilihan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam peraturan-kecil (1), atau

(b) jika hanya satu sahaja pemilihan Unit telah diadakan dalam masa yang dinyatakan dalam peraturan-kecil (2).

(4) Ketika memilih Wakil Unit, acara dalam peraturan-peraturan 40, 41, 42, 43 dan 44 hendaklah dipatuhi.

9. (1) Walau apa pun peraturan 3 dan 5, jika bilangan ahli-ahli pengasas bagi sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan itu kurang daripada dua ratus lima puluh orang atau jika oleh kerana apa-apa sebab lain, jawatankuasa sementara, menurut budibicaranya, membuat ketetapan untuk menangguhkan penubuhan Unit-unit dan mengadakan pemilihan-pemilihan terus bagi Lembaga Pengarah bagi Persatuan Nelayan Kawasan oleh ahli-ahli pengasasnya, pemilihan-pemilihan terus hendaklah diadakan.

Acara jika tiada Unit Nelayan ditubuhkan

(2) Jika ditetapkan sedemikian, pengerusi jawatankuasa sementara itu hendaklah menyampaikan suatu salinan ketetapan itu kepada Pendaftar, dan memberitahu semua ahli-ahli pengasas tentang tarikh pemilihan-pemilihan terus itu.

(3) Acara didalam peraturan-peraturan 40, 41, 42, 43 dan 44 hendaklah dipatuhi.

10. (1) Pengerusi jawatankuasa sementara hendaklah dalam masa satu bulan kalender dari tarikh pemilihan Wakil-wakil Unit yang akhir diadakan memberikan kepada Pendaftar notis dan hendaklah memberitahu secara bertulis semua Wakil-wakil Unit mengenai tarikh pemilihan akan ahli-ahli yang dipilih bagi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan.

Pemberitahu pemilihan dan pemilihan Lembaga Pengarah.

(2) Jika tidak disampaikan kepada Pendaftar notis itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam peraturan-kecil (1) ia hendaklah dengan berunding dengan Pegawai Penyelia Negeri memanggil suatu pemilihan akan ahli-ahli yang dipilih bagi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan kawasan.

(3) Ketika memilih akan ahli-ahli yang dipilih bagi Lembaga Pengarah, acara dalam peraturan-peraturan 40, 41, 42 43 dan 44 hendaklah dipatuhi.

11. Pengerusi dan jawatankuasa sementara hendaklah memegang jawatan sehingga pemilihan Lembaga Pengarah bagi Persatuan Nelayan Kawasan itu.

Penamatan jawatankuasa sementara.

12. Pengerusi dan jawatankuasa sementara hendaklah mempunyai kuasa-kuasa bagi seseorang Pengerusi dan Lembaga Pengarah sesuatu Persatuan.

Kuasa jawatankuasa sementara.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN PERSATUAN NELAYAN NEGERI DAN KEBANGSAAN

13. (1) Atas permintaan bertulis oleh Pengerusi Lembaga Pengarah bagi sekurang-kurangnya dua Persatuan Nelayan Kawasan, Pegawai Penyelia Negeri hendaklah memberi notis tentang maksud hendak menggabungkan semua Persatuan Nelayan

Notis maksud hendak menggabung penubuhan jawatan kuasa persediaan kandungannya.

Kawasan dalam Negeri itu.

(2) Pegawai Penyelia Negeri hendaklah melantik suatu jawatankuasa persediaan yang mengandungi tidak kurang daripada tujuh orang ahli. Jawatankuasa persediaan itu hendaklah melantik seorang Pengerusi dari kalangan ahli-ahlinya.

(3) Ketika melantik, Pegawai Penyelia Negeri hendaklah setakat mana yang boleh memastikan supaya tiap-tiap Persatuan Nelayan Kawasan dalam Negeri itu ada diwakilkan dalam jawatankuasa persediaan itu.

14. (1) Jawatankuasa persediaan hendaklah-

- (a) menentukan nama dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan Persatuan yang dicadangkan itu;
- (b) menyediakan perlembagaan dan anggaran perbelanjaan;
- (c) menentukan nilai sher stok modal dan bilangan yang akan diproleh oleh tiap-tiap satu Persatuan Nelayan Kawasan;
- (d) menentukan sumbangan yang akan dibuat oleh anggota Persatuan Nelayan Kawasan itu terhadap belanja-belanja Persatuan yang dicadangkan itu;
- (e) menjalankan semua perkara yang berhubung dengan penubuhan Persatuan yang dicadangkan itu;

Kewajipan jawatankuasa persediaan.

(2) Jawatankuasa persediaan itu hendaklah dalam masa satu bulan dari tarikh perlantekannya menghantar kepada tiap-tiap satu Persatuan Nelayan Kawasan dalam Negeri itu, pendapatnya berkenaan peraturan-kecil (1) (a) hingga (d).

15 (1) Apabila menerima pendapat jawatankuasa persediaan itu, Pengerusi Lembaga Pengarah bagi tiap-tiap Persatuan Nelayan Kawasan dalam Negeri itu hendaklah:

- (a) memanggil suatu Mesyuarat Agung Luarbiasa menurut peraturan 35 untuk meluluskan tiap-tiap satu dan kesemua ketetapan yang berikut -
 - (i) supaya perlembagaan dan anggaran perbelanjaan yang disediakan oleh jawatankuasa persediaan diterima;
 - (ii) supaya jawatankuasa persediaan itu disahkan sebagai jawatankuasa sementara bagi Persatuan Nelayan Negeri yang dicadangkan itu; dan
 - (iii) supaya pengerusi jawatankuasa sementara menghantar suatu permohonan kepada Pendaftar untuk mendaftarkan Persatuan Nelayan Negeri yang dicadangkan itu;
- (b) meminta penamaan bagi calon-calon bagi jawatan Wakil Kawasan; dan
- (c) mempamerkan, sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum mesyuarat itu, suatu senarai nama ahli-ahli yang berhak untuk mengundi.

Mesyuarat Agung Luarbiasa untuk meluluskan ketetapan menerima dan mengesahkan jawatankuasa sementara dan untuk mengadakan pemilihan selepasnya.

(2) Jika semua ketetapan dalam peraturan 15(1) (a) (i), (ii) dan (iii) diluluskan oleh Mesyuarat Agung Luarbiasa, mesyuarat itu hendaklah seterusnya mengadakan pemilihan menurut peraturan-peraturan 40, 41, 42, 43 dan 44

16. (1) Pengerusi jawatankuasa sementara itu hendaklah dalam masa empat belas hari dari tarikh Persatuan Nelayan Kawasan meluluskan semua ketetapan yang dinyatakan dalam peraturan 15 (1) (a) hingga (c), menyerahkan kepada Pendaftar -

- (a) suatu permohonan dalam empat salinan dalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar; dan
- (b) dua salinan perlembagaan.

(2) Borang-borang permohonan itu hendaklah ditandatangani oleh pengerusi dan dua orang ahli jawatankuasa sementara.

Permohonan untuk pendaftaran.

17. (1) Pendaftar hendaklah meluluskan atau menolak permohonan itu. Kelulusan permohonan dan pengeluaran perakuan.
- (2) Jika permohonan itu diluluskan Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran.
18. (1) Pengerusi jawatankuasa sementara hendaklah dalam masa satu bulan kalender dari tarikh pendaftaran itu memberikan kepada Pendaftar notis dan hendaklah memberitahu semua Wakil Kawasan mengenai tarikh pemilihan akan ahli-ahli yang dipilih bagi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri. Pemberitahu mengenai tarikh pemilihan Lembaga Pengarah, pemilihan dan akibat tidak mengadakan pemilihan.
- (2) Jika Pendaftar tidak diberikan notis dalam tempuh yang dinyatakan dalam peraturan-kecil (1) ia hendaklah dengan berunding dengan Pegawai Penyelia Negeri memanggil suatu pemilihan akan ahli-ahli yang dipilih bagi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri.
- (3) Ketika pemilihan akan ahli-ahli yang dipilih bagi Lembaga Pengarah, acara dalam peraturan-peraturan 40, 41, 42 43 dan 44 hendaklah dipatuhi.
19. Pengerusi dan jawatankuasa sementara hendaklah memegang jawatan sehingga pemilihan Lembaga Pengarah bagi Persatuan Nelayan Negeri. Penamatan jawatankuasa sementara.
20. Pengerusi dan jawatankuasa sementara hendaklah mempunyai semua kuasa-kuasa bagi Pengerusi dan Lembaga Pengarah sesuatu Persatuan. Kuasa jawatankuasa sementara.
21. Berkenaan sesuatu acara bagi penggabungan mana-mana dua atau lebih Persatuan Nelayan Negeri peruntukan-peruntukan dalam peraturan-peraturan diatas dalam Bahagian ini hendaklah dipakai kecuali bagi perbahasaan Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Negeri dan Pegawai Penyelia Negeri di mana terdapat dalam peraturan-peraturan itu, hendaklah masing-masingnya digantikan dengan Persatuan Nelayan Negeri, Persatuan Nelayan Kebangsaan dan Pendaftar. Acara bagi penggabungan Persatuan Nelayan Negeri ke dalam suatu Persatuan Nelayan Kebangsaan.

BAHAGIAN IV AHLI, WAKIL DAN PENGARAH

22. (1) Mana-mana orang yang memenuhi syarat-syarat seksyen 11 (1) Akta adalah layak untuk memohon manjadi ahli biasa bagi sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan. Permohonan bagi menjadi ahli biasa dan kuasa untuk menolak penyenaiaan.
- (2) Seseorang yang layak boleh disenaraikan sebagai seorang ahli biasa bagi sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan -
- (a) apabila ia memohon dalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar;
 - (b) apabila ia membayar bayaran masuk dan yuran tahunan bagi tahun itu;
 - (c) apabila ia memperolehi sekurang-kurangnya satu sher yang dikeluarkan oleh Persatuan Nelayan Kawasan menurut perlembagaan dan kaedah-kaedahnya, dan
 - (d) apabila Lembaga Pengarah meluluskan permohonan itu.
- (3) Tiada Lembaga Pengarah boleh menolak mana-mana permohonan untuk menjadi ahli melainkan pemohon itu telah, dengan tingkah lakunya yang terdahulu, menunjukkan bahawa kemasukannya akan memudharatkan kepentingan Persatuan.
- (4) Seseorang pemohon yang ditolak boleh dalam masa dua minggu setelah diberitahu berkenaan keputusan itu, merayu kepada Pegawai Penyelia Negeri terhadap keputusan Lembaga Pengarah itu. Keputusan Pegawai Penyelia Negeri adalah muktamad.
- (5) Peraturan-kecil (2) (d) tidaklah dipakai terhadap ahli-ahli pengasas.

23. Seseorang ahli biasa hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan keistimewaan-keistimewaan yang berikut -
- (a) untuk memilih Wakil-wakil Unit
 - (b) untuk dipilih dan memegang jawatan di semua peringkat Persatuan;
 - (c) mengeluarkan pendapatnya di Mesyuarat-mesyuarat Agung Persatuan Nelayan Kawasan dan dengan kebenaran pegawai yang mengetuai di Mesyuarat-mesyuarat Agung Persatuan peringkat yang lebih tinggi;
 - (d) semua keistimewaan lain yang ditentukan dalam perlembagaan Persatuan dan kaedah-kaedahnya.
- Kuasa dan keistimewaan ahli-ahli biasa
24. (1) Mana-mana orang yang memenuhi syarat-syarat seksyen 11 (2) Akta adalah layak untuk memohon menjadi ahli bersekutu.
- Permohonan bagi menjadi ahli bersekutu.
- (2) Seseorang yang layak boleh disenaraikan sebagai seorang ahli bersekutu -
- (a) apabila ia memohon dalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar;
 - (b) apabila ia membayar bayaran masuk dan yuran tahunan yang ditetapkan bagi tahun itu; dan
 - (c) apabila ia memperolehi sekurang-kurangnya satu sher yang dikeluarkan oleh Persatuan Nelayan Kawasan menurut perlembagaan dan kaedah-kaedahnya.
25. Seseorang ahli bersekutu hendaklah mempunyai semua kuasa dan keistimewaan bagi seseorang ahli biasa kecuali kuasa untuk mengundi dan memegang jawatan.
- Batasan bagi keistimewaan seseorang ahli bersekutu
26. (1) Seseorang ahli biasa hendaklah disifatkan sebagai telah digantung keahliannya dan hendaklah terlucut semua kuasa dan keistimewaannya jika ia mungkir membayar satu yuran tahunan.
- Penggantungan ahli biasa.
- (2) Seseorang ahli yang mungkir hendaklah diterima semula apabila ia menjelaskan yuran tahunannya bagi tahun itu tetapi tidaklah berhak untuk menjalankan atau menuntut hak untuk menjalankan apa-apa kuasa atau keistimewaan yang hilang semasa tempuh penggantungannya itu.
- (3) Walau apa pun peraturan-kecil (1) tiada wakil atau pengarah boleh digantung daripada memegang jawatan atau daripada menjalankan kuasa-kuasa jawatan itu oleh sebab ia tidak membayar satu yuran Tahunan.
27. (1) Seseorang itu adalah terhenti daripada menjadi ahli sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan -
- Pemberhentian dari menjadi ahli.
- (a) jika ia meletakkan jawatannya dengan sukarela menurut perlembagaan atau kaedah-kaedah;
 - (b) jika ia mati;
 - (c) jika ia tinggal di luar kawasan kegiatan Persatuan tanpa kebenaran Lembaga Pengarah;
 - (d) jika ia tidak membayar yuran tahunan bagi dua tahun berturut-turut atau adalah bertunggakan yuran tahunan yang berjumlah sebanyak dua yuran tahunan; atau
 - (e) jika ia dipecat oleh Lembaga Pengarah oleh sebab kelakuan yang memudharatkan nama baik Persatuan atau yang bertentangan dengan tujuan-tujuan Persatuan.
- (2) (a) Tiada tindakan boleh diambil untuk memecat seseorang ahli melainkan ia telah diberitahu tentang jenis salahlakunya dan ia telah diberi peluang untuk memberi keterangan.

(b) Jika seseorang ahli itu muskhill dengan keputusan Lembaga Pengarah, ia hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu merayu kepada Pendaftar yang keputusannya adalah muktamad.

28. (1) (a) Bilangan Wakil Unit daripada sesuatu Unit Nelayan kepada sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan ialah dua orang bagi lima puluh orang ahli biasa yang pertama dari tiap-tiap satu Unit Nelayan dan seorang wakil tambahan bagi tiap-tiap tambahan lima puluh orang ahli biasa atau bahagiannya bagi Unit itu.

Bilangan Wakil Unit,
Wakil Kawasan dan
Wakil Negeri.

(b) Tiada Unit Nelayan boleh ditubuhkan oleh sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan yang bilangan ahli biasanya tidak melebihi dua ratus lima puluh orang.

(c) Lembaga Pengarah bagi sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan boleh, bagi apa-apa sebab lain dan dengan persetujuan Pegawai Penyelia Negeri, menetapkan untuk tidak menubuhkan apa-apa Unit Nelayan dalam kawasan kegiatannya.

(2) (a) Jumlah bilangan Wakil Kawasan kepada sesuatu Persatuan Nelayan Negeri hendaklah ditentukan oleh Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri.

(b) Bilangan Wakil Kawasan daripada mana-mana anggota Persatuan Nelayan Kawasan hendaklah ditentukan dengan formula:

Jumlah bilangan ahli Persatuan Nelayan Kawasan dibahagi dengan jumlah bilangan Wakil Kawasan kepada Persatuan Nelayan Negeri sebagaimana yang ditentukan dalam peraturan-kecil (2) (a).

(c) Sekiranya bilangan yang diperolehi menurut formula itu bukannya suatu bilangan genap, pecahan itu tidaklah dikira, walau pun bahawa jika dijumlahkan bilangan Wakil Kawasan bilangan yang diperolehi adalah kurang daripada jumlah bilangan Wakil Kawasan yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah di bawah peraturan-kecil (2) (a).

(3) Ketika menentukan bilangan Wakil Negeri kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan, peruntukan-peruntukan peraturan-kecil (2) hendaklah dipakai kecuali bagi perbahasaan Persatuan Nelayan Kawasan, Wakil Kawasan dan Persatuan Nelayan Negeri di mana terdapat hendaklah masing-masingnya digantikan dengan Persatuan Nelayan Negeri, Wakil Negeri dan Persatuan Nelayan Kebangsaan.

(4) Walau apa pun peraturan-kecil (1) hingga (3), Pendaftar boleh menetapkan bilangan maksima bagi wakil-wakil daripada Persatuan peringkat rendah hingga kepada yang lebih tinggi.

29. (1) Semua Wakil Unit hendaklah dipilih daripada kalangan dan oleh ahli-ahli dalam Unit itu.

Siapa yang boleh
menjadi wakil dan
siapa yang boleh
mengundi.

(2) Semua Wakil Kawasan hendaklah dipilih daripada kalangan ahli-ahli Persatuan Nelayan Kawasan oleh Mesyuarat Agung Persatuan.

(3) Semua Wakil Negeri hendaklah dilantik daripada kalangan ahli-ahli Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan dalam Negeri itu oleh Mesyuarat Agung Persatuan Nelayan Negeri.

30. Seseorang itu hendaklah terhenti daripada menjadi wakil

(a) jika ia meletakkan jawatannya dengan sukarela menurut perlembagaan dan kaedah-kaedah;

Pemberhentian
daripada jawatan
wakil.

(b) jika ia tidak lagi menjadi ahli sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan.

31. (1) Lembaga Pengarah sesuatu Persatuan boleh mengandungi ahli-ahli yang dipilih dan dilantik.

Kandungan sesuatu
Lembaga Pengarah

(2) Bilangan pengarah-pengarah yang dipilih hendaklah ditentukan oleh perlembagaan tiap-tiap Persatuan;

(3) Bilangan pengarah yang boleh dilantik oleh Menteri tidaklah boleh lebih daripada setengah bilangan pengarah-pengarah yang dipilih.

(4) Korum bagi mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah ialah tidak kurang daripada setengah dari bilangan Pengarah-pengarah, walaupun bahawa mungkin ada kekosongan dalam Lembaga itu atau tiada perlantikan pengarah dibuat oleh Menteri.

(5) Seseorang pengarah sama ada dilantik atau dipilih hendaklah memegang jawatannya sehingga pemilihan pengarah-pengarah yang satu lagi dalam sesuatu mesyuarat Agung Tahunan.

(6) Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah dilantik oleh Menteri tetapi jika tiada perlantikan dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh pengarah-pengarah itu memegang jawatan, pengarah-pengarah itu hendaklah memilih seorang Pengerusi dari kalangan mereka.

PU (A) 257
(PINDAAN)
1979

PU (A) 257 (PINDAAN)
1979

32. Seseorang pengarah hendaklah berhenti dari memegang jawatan -

- (a) jika ia menjadi bankrap;
- (b) jika ia dithabitkan bagi sesuatu kesalahan jenayah yang melibatkan penipuan, kecurangan atau keburukan akhlak;
- (c) jika ia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran;
- (d) jika ia berhenti dari menjadi ahli mana-mana Persatuan Nelayan Kawasan;
- (e) jika ia menjadi gila,
- (f) jika ia menjalankan apa-apa perniagaan yang pada pendapat Menteri adalah memudharatkan kepentingan Persatuan itu,
- (g) jika ia menjadi seorang pekerja Persatuan itu, atau,
- (h) jika ia dibuang menurut peraturan 50.

Pemberhentian dari
menjadi pengarah.

32A. Walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam Peraturan-peraturan ini atau perlembagaan sesuatu Persatuan Menteri boleh, jika ia fikirkan perlu bagi kepentingan Persatuan itu untuk berbuat demikian, memecat atau menggantung mana-mana ahli Lembaga atau lain-lain pegawai bagi apa-apa tempuh sebagaimana yang ditetapkan olehnya.

*Kuasa Menteri untuk memecat, menggantung mana-mana ahli lembaga atau lain-lain pegawai.
PU (A) 257 (PINDAAN)
1979

BAHAGIAN V
MESYUARAT AGUNG, PEMILIHAN,
MEMEGANG JAWATAN DAN PEMBUANGAN

33. Ahli-ahli yang layak mengundi didalam sesuatu Mesyuarat Agung Unit atau Persatuan masing-masingnya ialah -

Siapa yang boleh mengundi dalam sesuatu Mesyuarat Agung.

- (1) ahli-ahli dalam Unit itu dalam sesuatu Mesyuarat Agung Unit ;
- (2) (a) wakil-wakil Unit, Ketua Unit dan Lembaga Pengarah yang sedang berkhidmat bagi Persatuan itu dalam sesuatu Mesyuarat Agung Persatuan Nelayan Kawasan;
(b) Jika tiada Unit ditubuhkan oleh Persatuan Nelayan Kawasan itu, semua ahli Persatuan Nelayan Kawasan itu dalam Mesyuarat Agung Persatuan itu;
- (3) wakil-wakil Kawasan, Pengerusi Lembaga Pengarah bagi sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan dalam Negeri itu dan Lembaga Pengarah yang sedang berkhidmat bagi Persatuan Nelayan Negeri itu dalam sesuatu Mesyuarat Agung Persatuan Nelayan Negeri;
- (4) wakil-wakil Negeri, Pengerusi Lembaga Pengarah bagi Persatuan-persatuan Nelayan Negeri itu dan Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kebangsaan yang sedang berkhidmat dalam sesuatu Mesyuarat Agung Persatuan Nelayan Kebangsaan.

34. (1) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Unit, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Negeri dan Persatuan Nelayan Kebangsaan masing-masingnya hendaklah menjadi pihak berkuasa bagi Unit atau Persatuan itu.

Mesyuarat Agung Tahunan.

- (2) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mempunyai kuasa -
 - (a) untuk membuat atau meminda perlembagaan, yang kuasa bagi menjalankannya ialah oleh Mesyuarat Agung Tahunan;
 - (b) untuk memilih wakil-wakil dan Lembaga Pengarah yang dipilih, mengikut mana yang berkenaan;
 - (c) untuk menguruskan semua perkara-perkara mustahak;
 - (d) untuk menerima anggaran perbelanjaan tahunan yang diserahkan oleh Lembaga Pengarah;
 - (e) untuk meluluskan penyata kira-kira bagi tahun yang lalu yang telah diaudit.
- (3) (a) Apa-apa cadangan untuk meminda perlembagaan hendaklah di hantar kepada Pengerusi Lembaga Pengarah tidak kurang daripada tiga minggu sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.
(b) Tiada pindaan bagi perlembagaan boleh diundi sehingga pindaan-pindaan yang dicadangkan telah disampaikan kepada Pendaftar.
(c) Jika Pendaftar berpuashati bahawa mana-mana pindaan bagi perlembagaan itu tidak bertentangan dengan Akta, Peraturan-peraturan ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta, ia boleh mendaftarkan pindaan itu.
(d) Apa-apa rayuan terhadap penolakan Pendaftar untuk mendaftar apa-apa pindaan bagi mana-mana perlembagaan hendaklah dibuat kepada Menteri dalam masa tiga bulan daripada tarikh penolakan itu dan keputusan Menteri adalah muktamad.
(e) Tiada pindaan kepada perlembagaan boleh mula berkuatkuasa sehingga ia telah didaftarkan oleh Pendaftar.
(f) Sesuatu pindaan yang menukarkan nama sesuatu Persatuan tidaklah boleh mengubah apa-apa hak atau tanggungan Persatuan atau mana-mana ahlinya atau apa-apa perbicaraan undang-undang yang belum selesai boleh diteruskan oleh atau terhadap Persatuan itu di bawah nama baharunya.

(g) Pindaan termasuklah perubahan atau pembatalan bagi sesuatu perlembagaan

PU (A) 257
(PINDAAN) 1979

(4) (a) Korum bagi mana-mana mesyuarat Agung ialah tidak kurang daripada satu pertiga dari ahli-ahli yang layak mengundi di bawah peraturan 33 atau tiga puluh orang ahli, mengikut mana yang kurang; bagi cadangan untuk meminda perlembagaan korum ialah tidak kurang daripada setengah dari ahli-ahli Persatuan

(b) Jika tidak terdapat satu korum Mesyuarat Agung Tahunan itu hendaklah ditangguhkan dengan syarat mesyuarat bagi Mesyuarat Agung Tahunan yang ditangguhkan itu hendaklah menguruskan urusan yang dijadualkan bagi mesyuarat pertama itu.

(c) Jika Mesyuarat Agung Tahunan itu ditangguhkan, mesyuarat yang ditangguhkan itu tidaklah mempunyai kuasa untuk memilih pemegang jawatan atau meminda perlembagaan itu.

35. (1) Mesyuarat Agung Luarbiasa hendaklah dipanggil oleh Pengerusi Lembaga Pengarah bagi sesuatu Persatuan:

Mesyuarat Agung
Luar biasa

(a) apabila di fikirannya perlu,

(b) apabila menerima sesuatu permintaan bertulis yang ditandatangani oleh tidak kurang daripada dua pertiga ahli-ahli Lembaga Pengarah; atau

(c) apabila menerima sesuatu permintaan bertulis yang di tandatangani oleh tidak kurang daripada satu pertiga daripada ahli-ahli yang layak mengundi di bawah peraturan 33.

(2) Jika Mesyuarat Agung Luarbiasa itu diadakan untuk membincangkan sesuatu cadangan untuk membuang seseorang wakil atau seseorang pengarah yang dipilih, acara dalam peraturan 50 hendaklah dipakai.

(3) Jika mesyuarat itu diadakan oleh ahli-ahli dan tidak terdapat korum, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan

PU (A) 257
(PINDAAN) 1979

(4) Jika mesyuarat itu diadakan di bawah peraturan 35 (1) (a) atau (b) dan tidak terdapat korum mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh sekurang-kurangnya tujuh hari tetapi tidak lebih daripada empat belas hari daripada tarikh mesyuarat yang pertama itu dan di mesyuarat yang ditangguhkan itu urusan yang akan diuruskan hendaklah urusan yang dijadualkan bagi mesyuarat yang pertama itu.

PU (A) 257
(PINDAAN) 1979

(5) Di mesyuarat yang ditangguhkan itu mana-mana ahli yang hadir hendaklah disifatkan sebagai suatu korum dan apa-apa keputusan hendaklah diluluskan oleh dua pertiga majoriti ahli-ahli yang hadir dan layak mengundi kecuali tiada pindaan bagi perlembagaan boleh dibuat melainkan jika setengah daripada ahli-ahli itu hadir.

36. (1) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Unit-unit dan Persatuan-persatuan hendaklah diadakan dalam bulan-bulan yang berikut bagi tahun itu-

Tarikh Mesyuarat Agung
Tahunan

(a) bagi Unit-unit tidak lewat daripada 28 haribulan February bagi tahun itu,

(b) bagi Persatuan Nelayan Kawasan tidak lewat daripada 31 haribulan Mac bagi tahun itu,

(c) bagi Persatuan Nelayan Negeri tidak lewat daripada 31 hb. Mei bagi tahun itu,

(d) bagi Persatuan Nelayan Kebangsaan tidak lewat daripada 31 haribulan Julai bagi tahun itu.

(2) Jika Pendaftar tidak diberikan notis mengenai Mesyuarat Agung Tahunan pada atau sebelum satu haribulan February, Mac, Mei atau Julai mengikut mana yang berkenaan, pada atau sebelum akhir bulan yang didalamnya Unit atau Persatuan itu adalah, di bawah peraturan-kecil (1) (a), (b), (c) atau (d), dijadualkan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan itu, Pendaftar hendaklah-

- (a) dengan berunding dengan Pegawai Penyelia Negeri menetapkan suatu tarikh bagi Mesyuarat Agung Tahunan bagi Unit atau Peraturan itu;
- (b) memberitahu semua ahli-ahli secara bertulis sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan; dan
- (c) mengarahkan Pengerusi Lembaga Pengarah untuk menyediakan anggaran perbelanjaan bagi tahun yang berikutnya dan penyata kira-kira bagi tahun yang lalu.

37. (1) Pengerusi Lembaga Pengarah bagi sesuatu Persatuan, dan berkenaan sesuatu Unit, Pengerusi Lembaga Pengarah bagi Persatuan Nelayan kawasan, hendaklah, sekurang-kurangnya satu bulan kalender sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu-

Pemberitahu Mesyuarat
agung Tahunan

- (a) menyampaikan notis mengenai tarikh Mesyuarat Agung Tahunan kepada Pendaftar;
- (b) memberitahu Pendaftar tarikh pemilihan yang akhir di adakan bagi jawatan-jawatan yang dipilih dan sama ada tujuan hendak membuat apa-apa pemilihan dalam Mesyuarat Agung Tahunan itu,
- (c) memberitahu semua ahli-ahli yang layak untuk mengambil bahagian dan mengundi di bawah peraturan 33, mengenai tarikh Mesyuarat Agung Tahunan itu; dan
- (d) jika ada tujuan untuk mengadakan apa-apa pemilihan kepada jawatan-jawatan yang dipilih dalam tahun itu meminta penamaan calon-calon

(2) Pengerusi Lembaga Pengarah bagi Persatuan itu hendaklah mempamerkan, sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan, suatu senarai ahli-ahli yang berhak untuk mengundi.

(3) Seseorang ahli yang namanya tidak terkandung dalam senarai mengundi yang dibuat di bawah peraturan-kecil (2) boleh, dalam masa tiga hari dari tarikh penyenaraian itu, merayu kepada Pendaftar supaya namanya dimasukkan ke dalam senarai itu.

(4) Seseorang ahli yang muskil dengan kemasukkan nama seorang ahli, yang pada pendapatnya, adalah tidak layak di bawah Peraturan 33 boleh merayu kepada Pendaftar supaya memotong nama ahli itu daripada senarai itu.

(5) Keputusan Pendaftar di bawah peraturan-kecil (3) dan (4) adalah muktamad.

38. Penamaan hendaklah disifatkan sebagai telah tutup pada pukul dua belas tengah hari bagi hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan atau tarikh yang lebih awal sebagaimana yang ditetapkan oleh Pendaftar.

Penamaan disifatkan tutup
pada tengah hari

39. (1) Pemilihan kepada jawatan-jawatan yang dipilih hendaklah diadakan sekali tiap-tiap dua tahun dalam Mesyuarat Agung Tahunan itu.

Pemilihan diadakan sekali
dalam tiap-tiap dua tahun

(2) Semua pemilihan hendaklah diadakan dibawah panduan dan Penyelia Pendaftar.

(3) Ketika mengadakan pemilihan, Unit atau Persatuan itu boleh meminta pertolongan pembantu-pembantu pemilihan.

(4) Pembantu-pembantu pemilihan itu hendaklah dilantik oleh Pendaftar dengan persetujuan bilangan terbanyak daripada calon-calon dari kalangan ahli-ahli mana-mana persatuan.

(5) Pembantu-pembantu pemilihan itu hendaklah menjadi panel yang kepadanya akan diarahkan apa-apa aduan. Keputusan panel itu adalah muktamad.

40. (1) Pada penutup penamaan itu Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah menjeniskan calon-calon kepada Lembaga Yang Dipilih itu menurut kelayakan mereka di bawah Seksyen 11 (1) Akta.

Acara penutup penamaan dan Lembaga yang lalu terus memegang jawatan jika tiada pemilihan

(2) Tiada pemilihan kepada Lembaga Yang Dipilih boleh dijalankan melainkan bilangan calon-calon yang layak di bawah seksyen 11 (1) (a) Akta melebihi tiga perlima daripada Lembaga Yang Dipilih. Bilangan genap yang menjadikannya tiga perlima hendaklah kemudian daripada ini dalam Bahagian ini dinamakan Bilangan Minima Pengarah.

(3) Jika dengan sebab peraturan-kecil (2) tiada pemilihan diadakan Lembaga Yang Dipilih yang ada hendaklah disifatkan sebagai telah dipilih seolah-olah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang dijadualkan itu dan hendaklah memegang jawatan sehingga pemilihan yang akan datang.

41. (1) Suatu kertas undi yang mengandungi nama-nama semua calon kepada Lembaga Yang Dipilih dan suatu lagi kertas undi yang mengandungi nama-nama bagi semua calon ke Jawatan Wakil hendaklah dikeluarkan kepada tiap-tiap seorang dan tiap-tiap ahli yang layak untuk mengundi sebaik sahaja ia masuk untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan itu.

Pengeluaran kertas-kertas undi, mengundi Lembaga yang dahulu untuk terus berkhidmat jika tiada pemilihan.

(2) Apabila Mesyuarat Agung Tahunan dimulakan, Pegawai yang mengetuai hendaklah mengishtiharkan, waktu bila pengundian akan ditutup, selepas waktu itu tiada kertas undi boleh diterima.

(3) Pengundian hendaklah dijalankan semasa perjalanan Mesyuarat Agung Tahunan itu.

(4) Seseorang ahli boleh mengundi seberapa banyak tetapi ia tidaklah boleh memberikan dua atau lebih undi kepada mana-mana satu calon tertentu.

(5) Jika tiada pemilihan diadakan oleh kerana kekurangan koram, peraturan 40(3) hendaklah dipakai.

42. Pada penutup pengundian Pegawai yang mengetuai hendaklah membuat tiga senarai—

Pegawai yang mengetuai membuat tiga senarai pada penutup pengundian.

(a) dalam Senarai Pertama ia hendaklah menyusun mengikut aturan bilangan undi yang diperolehi, nama ahli-ahli yang menjadi calon kepada Lembaga Yang Dipilih dan yang, adalah juga layak untuk menjadi ahli di bawah seksyen 11 (1) (a) Akta;

(b) dalam Senarai Kedua ia hendaklah menyusun mengikut aturan bilangan undi yang diperolehi, nama semua calon kepada Lembaga Yang Dipilih;

(c) dalam Senarai Ketiga ia hendaklah menyusun mengikut bilangan undi yang diperolehi nama semua calon untuk Jawatan Wakil.

43. (1) Bilangan Minima Pengarah yang pertama bagi calon-calon dalam Senarai Pertama yang memperolehi bilangan undi yang terbanyak hendaklah disifatkan sebagai telah dipilih ke Lembaga Yang Dipilih.

Menentukan calon-calon yang berjaya.

(2) Selepas mengishtiharkan keputusan daripada Senarai Pertama, Pegawai yang mengetuai hendaklah memotong nama-nama calon yang berjaya daripada Senarai Kedua.

(3) Bilangan calon-calon yang pertama yang ditetapkan mengikut formula (Lembaa Yang Dipilih tolak Bilangan Minima Pengarah) daripada Senarai Kedua yang memperolehi bilangan undi yang terbanyak hendaklah dipilih ke Lembaga Yang Dipilih.

(4) Bilangan wakil-wakil dari tiap-tiap satu Unit atau Persatuan kepada Persatuan peringkat yang lebih tinggi sebagaimana yang dibentuk dalam peraturan 28 hendaklah kemudian daripada ini dinamakan Bilangan Minima Wakil.

(5) Bilangan Minima Wakil yang pertama bagi calon-calon daripada Senarai Ketiga yang memperolehi bilangan undi yang terbanyak hendaklah dipilih sebagai Wakil Unit atau Wakil Persatuan.

44. (1) Dalam sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan Unit Nelayan –
- (a) peruntukan-peruntukan peraturan 41 (1), (2), (3) dan (4) dan 42 (c) hendaklah dipakai berkenaan perjalanan pemilihan; dan
 - (b) peruntukan peraturan 43 (4) dan (5) hendaklah dipakai ketika menentukan keputusan-keputusan pemilihan.
- (2) Dalam sesuatu Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kebangsaan
- (a) peruntukan-peruntukan peraturan-peraturan 40, 41, 42 (a) dan (b) dan 43 (1), (2) dan (3) hendaklah dipakai berkenaan perjalanan pemilihan;
 - (b) peruntukan-peruntukan peraturan 43 hendaklah dipakai pada menentukan keputusan pemilihan itu.
- (3) Peruntukan-peruntukan berkenaan Pengarah-pengarah dan Wakil tidaklah boleh masing-masingnya dipakai kepada Unit Nelayan dan Persatuan Nelayan Kebangsaan.
45. Mengundi secara proxy adalah dilarang.
46. (1) Sesuatu kertas undi hendaklah dikira sebagai tidak sah jika –
- (a) ia tidak mengandungi tandatangan pegawai yang mengeluarkannya atau meteri rasmi Unit atau Persatuan itu, atau
 - (b) tidak dapat dipastikan siapakah yang diundi oleh pengundi itu.
- (2) Pegawai Yang Mengetuai hendaklah menentukan sah tidaknya kertas-kertas undi itu.
- (3) Jika mana-mana dari calon itu muskhlil dengan keputusan Pegawai Yang Mengetuai, ia hendaklah dengan serta merta merayu kepada panel pembantu-pembantu pemilihan yang keputusannya adalah muktamad.
47. (1) Jika timbul apa-apa kekosongan bagi mana-mana jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah –
- (a) memberitahu Pendaftar mengenai jawatan yang di kosongkan itu;
 - (b) menyatakan sama ada oleh sebab kekosongan itu bilangan pengarah-pengarah yang dipilih yang layak menjadi ahli di bawah seksyen 11 (1) (a) Akta melebihi tiga perlima dari bilangan Lembaga Pengarah Yang Dipilih.
- (2) Jika jawatan yang dikosongkan itu adalah jawatan seseorang pengarah yang dilantik, Pendaftar hendaklah meminta Menteri menjalankan budibicaranya di bawah peraturan 31 (3).
- (3) Jika jawatan yang dikosongkan itu adalah jawatan Wakil, orang yang memperolehi undi yang kedua banyaknya dalam Senarai Ketiga hendaklah disifatkan sebagai Wakil itu.

Peruntukan-peruntukan khas berkenaan Unit-unit Nelayan dan Persatuan Nelayan Kebangsaan.

Mengundi secara proxy.

Sah tidaknya kertas-kertas undi.

Kekosongan di dalam jawatan-jawatan yang dipilih, acara bagi mengisi jawatan yang dikosongkan dan perjalanan mesyuarat tidak dibatalkan oleh sebab kekosongan dan lain-lain

(4) Jika jawatan yang dikosongkan itu adalah jawatan Pengarah Yang Dipilih, dan jika bilangan Pengarah-pengarah Yang Dipilih yang layak untuk menjadi ahli di bawah seksyen 11 (1) (a) Akta -

- (a) tidak melebihi tiga perlima maka orang yang memperolehi undi yang kedua banyaknya dalam Senarai pertama pemilihan yang akhir diadakan hendaklah disifatkan sebagai seorang pengarah Yang Dipilih,
- (b) melebihi tiga perlima, maka orang yang memperolehi undi yang kedua banyaknya dalam Senarai Kedua bagi pemilihan yang akhir diadakan hendaklah disifatkan sebagai seorang pengarah Yang Dipilih.

(5) Menteri boleh melantik seorang ahli untuk memegang jawatan yang dikosongkan itu -

- (a) jika tiada nama dalam Senarai Pertama, Kedua atau Ketiga mengikut mana yang berkenaan; atau
- (b) jika orang yang namanya adalah yang berikutnya dalam senarai itu memberitahu secara bertulis berkenaan hajatnya tidak hendak memegang jawatan dan oleh sebab itu tiada nama lain dalam Senarai Pertama, Kedua atau Ketiga mengikut mana yang berkenaan.

(6) Tiada apa-apa perjalanan mesyuarat sesuatu Lembaga Pengarah atau sesuatu Mesyuarat Agung, dengan syarat ada koram, boleh dibatalkan oleh sebab -

- (a) apa-apa kekosongan dalam keahliannya;
- (b) apa-apa kecacatan yang terdapat kemudiannya dalam perlantikan atau kelayakan seseorang yang berupa sebagai seorang ahli;
- (c) apa-apa salah aturan kecil pada mengadakan atau menjalankan sesuatu mesyuarat; atau
- (d) kehadiran atau penyertaan seseorang yang tidak layak hadir atau turut serta.

48. (1) Ketua Unit hendaklah menjadi pegawai yang mengetuai dimana-mana Mesyuarat Agung Unit Nelayan.

(2) Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah menjadi pegawai yang mengetuai di mana-mana Mesyuarat Agung Persatuan-persatuan.

(3) Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah menjadi pegawai yang mengetuai di mana-mana Mesyuarat Lembaga Pengarah.

(4) Jika Ketua Unit atau Pengerusi oleh kerana apa-apa sebab atau oleh sebab peraturan-kecil (6) tidak dapat hadir, tiada urusan boleh dijalankan oleh mesyuarat itu sehingga seorang pegawai yang mengetuai telah dilantik.

(5) (a) Pemilihan seseorang pegawai yang mengetuai hendaklah dengan jalan yang mengangkat tangan;

(b) Orang yang mendapat undi terbanyak hendaklah menjadi pegawai yang mengetuai.

(6) Jika sesuatu mesyuarat dipanggil untuk membincangkan pembuangan seseorang Pengerusi Lembaga Pengarah atau mana-mana pemegang sesuatu jawatan yang dipilih, Pengerusi atau pemegang jawatan itu tidaklah boleh menjadi pegawai yang mengetuai bagi mesyuarat itu.

Pegawai yang
mengetuai di
mesyuarat-mesyuarat

49. Ketiga-tiga senarai itu atau mana-mana senarai yang disediakan di bawah peraturan 41 hendaklah disimpan oleh Persatuan itu sehingga pemilihan yang berikutnya.

Senarai untuk
disimpan hingga
pemilihan yang
berikutnya

50. (1) Tiada tindakan bagi membuang seseorang pegawai yang dipilih boleh dijalankan sehingga ia telah memegang jawatan selama tempoh lebih daripada enam bulan.

Pembuangan seseorang pegawai yang dipilih

(2) Sesuatu cadangan untuk membuang seseorang pegawai yang dipilih hendaklah—

- (a) ditandatangani oleh tidak kurang daripada setengah daripada ahli-ahli Unit atau Persatuan yang berhak untuk mengundi dalam Mesyuarat Agung Unit atau Persatuan itu;
- (b) menyatakan sebab-sebab bagi cadangan itu; dan
- (c) diserahkan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah atau berkenaan sesuatu Unit, kepada Pengerusi Lembaga Pengarah bagi Persatuan Nelayan Kawasan itu.

(3) Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah menyerahkan satu salinan rayuan itu kepada pegawai yang berkenaan itu dalam masa sepuluh hari dari tarikh rayuan itu.

(4) Pegawai yang berkenaan itu hendaklah dalam masa lima belas hari dari tarikh disampaikan rayuan itu menyerahkan suatu jawatan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah.

(5) Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah memanggil suatu Mesyuarat Agung Luarbiasa dalam masa empat belas hari selepas tamatnya lima belas hari yang dibenarkan dalam peraturan-kecil (4) atau selepas menerima jawapan itu yang mana lebih dahulu.

(6) Rayuan itu hanya boleh diluluskan oleh kelebihan suara dua pertiga dari ahli-ahli yang hadir di Mesyuarat Agung Luarbiasa itu.

(7) Pengundian hendaklah dijalankan secara undi sulit.

(8) Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah memberitahu Pendaftar akan keputusan rayuan itu.

51. Peraturan 50 tidaklah dipakai kepada pegawai-pegawai yang dilantik dan bagi maksud-maksud peraturan ini, Pengerusi Lembaga Pengarah jika dilantik oleh Menteri di bawah peraturan 31 (6) hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai yang dilantik.

Peraturan 50 tidak dipakai kepada pegawai yang dilantik

52. Peraturan 50 tidaklah boleh menyekat kuasa-kuasa Menteri untuk membuang seseorang pengarah di bawah seksyen 12 Akta.

Kuasa untuk membuang oleh Menteri

52A. (1) Pendaftar boleh -

- (a) jika ia berpuashati bahawa perlembagaan mana-mana Persatuan adalah samar atau was-was dari segi tafsiran dan mungkin mengelirukan atau bahawa perlembagaan itu bertentangan atau tidak bersesuaian dengan peruntukan-peruntukan Akta atau Peraturan-peraturan ini; atau
- (b) jika ia berpendapat bahawa satu pindaan adalah perlu atau dikehendaki demi kepentingan Persatuan.

Kuasa pendaftar untuk mengarahkan Mesyuarat agung untuk meminda perlembagaan

mengarahkan Persatuan itu mengadakan suatu mesyuarat agung dalam apa-apa tempoh yang boleh ditetapkan bagi maksud meminda Perlembagaan Persatuan itu.

(2) Jika mesyuarat tidak diadakan dalam tempoh yang ditetapkan, Pendaftar boleh meminda perlembagaan itu mengikut kehendaknya sendiri dan pindaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai pindaan berdaftar.

PU (A) 257 (PINDAAN) 1979

BAHAGIAN VI
KEMASUKAN PERSATUAN-PERSATUAN BAHARU KE DALAM PERSATUAN-
PERSATUAN YANG ADA

53. (1) Mana-mana Persatuan Nelayan Kawasan yang di dalam kawasan kegiatan sesuatu Persatuan Nelayan Negeri adalah layak untuk memohon menjadi ahli sesuatu Persatuan Nelayan Negeri.

Permohonan oleh sesuatu Persatuan untuk menjadi ahli di dalam Persatuan peringkat yang lebih tinggi

(2) Pengerusi Lembaga Pengarah bagi Persatuan Nelayan Kawasan yang ingin menjadi ahli Persatuan Nelayan Negeri hendaklah menyerahkan permohonan dalam borang yang ditetapkan oleh Pendaftar kepada Pendaftar dan Pengerusi Lembaga Pengarah Negeri itu.

54. (1) Apabila menerima permohonan itu Pendaftar hendaklah melantik suatu jawatankuasa bersama mengandungi Pegawai Penyelia Negeri sebagai pengerusi, Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri, Pengerusi Lembaga Pengarah bagi Persatuan Nelayan Kawasan dan dua orang ahli lain, untuk menentukan

Penubuhan jawatankuasa bersama dan kewajipan-kewajipannya

- (a) bilangan saham modal yang akan diperolehi oleh Persatuan Nelayan kawasan itu;
- (b) sumbangan yang kena dibayar oleh Persatuan Nelayan Kawasan terhadap perbelanjaan Persatuan Nelayan Negeri.

(2) Jawatankuasa Bersama hendaklah, dalam masa satu bulan daripada tarikh perantikkannya, menyerahkan pendapatnya kepada Pendaftar dan Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan

55. (1) Apabila menerima pendapat itu Pengerusi Lembaga pengarah bagi Persatuan Nelayan Kawasan hendaklah -

Mesyuarat Agung Luarbiasa untuk meluluskan ketetapan-ketetapan mempersetujui menyumbang wang dan untuk bergabung dan mengadakan pemilihan selepasnya

- (a) memanggil satu Mesyuarat Agung Luarbiasa untuk meluluskan ketetapan-ketetapan -
 - (i) supaya Persatuan Nelayan Kawasan itu memperolehi bilangan saham modal dan menyumbang sejumlah wang sebagaimana yang dinyatakan dalam pendapat Jawatankuasa Bersama itu;
 - (ii) supaya Persatuan Nelayan Kawasan itu bergabung dengan Persatuan Nelayan Negeri yang ada dan terikat oleh perlembagaan dan kaedah-kaedah Persatuan itu;
- (b) meminta penamaan calon-calon kepada jawatan Wakil Kawasan; dan
- (c) memaparkan sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum mesyuarat itu suatu senarai ahli-ahli yang berhak untuk mengundi.

(2) Jika kedua-dua ketetapan dalam peraturan (1) (a) (i) dan (ii) diluluskan oleh Mesyuarat Agung Luarbiasa itu, Mesyuarat itu hendaklah terus mengadakan pemilihan menurut peraturan-peraturan 40, 41, 42, 43 dan 44.

56. (1) Atas permintaan tidak kurang daripada 50 orang ahli biasa sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan, Pengerusi Lembaga pengarah Persatuan itu hendaklah melantik suatu jawatankuasa untuk -

Penubuhan Unit-unit Nelayan baharu

- (a) menentukan nama dan kawasan kegiatan atau kawasan bertugas Unit Nelayan yang dicadangkan itu
- (b) menyatakan sebab-sebab dan faedah-faedah bagi penubuhan sesuatu Unit sedemikian.

(2) Jawatankuasa itu hendaklah mempunyai tujuh orang ahli, dua daripadanya hendaklah Pengarah-pengarah Persatuan itu. Jawatankuasa itu hendaklah memilih seorang pengerusi dari kalangannya.

(3) Jawatankuasa itu hendaklah dalam masa satu bulan daripada tarikh perlantikannya menyerahkan pendapatnya itu kepada Pengerusi Lembaga pengarah.

(4) Jika jawatankuasa itu menyokong penubuhan Unit itu, Pengerusi Lembaga pengarah hendaklah, dalam masa satu bulan dari tarikh penerimaan pendapat itu, memanggil suatu mesyuarat Lembaga Pengarah untuk meluluskan suatu ketetapan supaya suatu Unit sedemikian ditubuhkan.

57. (1) Jika ketetapan dalam peraturan 56 (4) diluluskan Pengerusi hendaklah dalam masa satu bulan dari tarikh ketetapan itu menyediakan suatu senarai ahli-ahli dalam Unit itu dan hendaklah memanggil suatu Mesyuarat Agung Luarbiasa bagi Unit itu bagi maksud melantik Ketua Unit dan Wakil Unit.

Pemilihan selepas meluluskan ketetapan

(2) Peruntukan-peruntukan Bahagian V berkenaan dengan pemilihan-pemilihan yang dipakai.

BAHAGIAN VII

KEMASUKAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SEBAGAI UNIT NELAYAN

58. (1) Mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang dan salah satu daripada tujuan atau aktiviti-aktivitinya—

Permohonan untuk menyertai sesuatu Persatuan Nelayan dan penyenaiaan sebagai suatu Unit Nelayan

- (a) untuk menganjurkan kegiatan perikanan atau memelihara hidup-hidupan dalam air;
- (b) untuk membantu dalam penyiasatan dan pengumpulan perangkaan mengenai perusahaan menangkap ikan;
- (c) untuk mengambil bahagian dalam memajukan dan memperkembangkan perusahaan menangkap ikan;
- (d) untuk memproses, mengendali atau berniaga ikan;
- (e) untuk mengambil bahagian dalam menangkap, mengutip atau memelihara hidup-hidupan dalam air, adalah layak untuk memohon menjadi suatu Unit Nelayan dalam sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan.

(2) Sesuatu pertubuhan boleh disenaraikan sebagai suatu Unit Nelayan

- (a) atas permohonan dalam borang yang telah ditetapkan oleh Pendaftar
- (b) atas pembayaran bayaran masuk dan yuran tahunan bagi tahun itu, sebagaimana yang ditetapkan oleh Pendaftar; dan
- (c) apabila memperolehi bilangan sher minima sebagaimana yang ditetapkan boleh Pendaftar.

59. Mana-mana pertubuhan yang diterima masuk sebagai suatu Unit Nelayan hendaklah -

Kewajipan sesuatu pertubuhan

- (a) memastikan supaya tiada mana-mana daripada aktiviti-aktivitinya yang lain melanggar tujuan-tujuan Persatuan Nelayan Kawasan
- (b) mempunyai kuasa dan penanggungungan seperti mana-mana Unit Nelayan yang lain.

60. (1) Bilangan Wakil Unit daripada sesuatu pertubuhan itu hendaklah ditentukan oleh Menteri.
- (2) Pada menentukan bilangan itu, Menteri hendaklah menimbangkan bilangan ahli-ahli dalam persatuan itu.
- (3) Walau apa pun yang akas-nya tetapi tertakluk kepada seksyen 11 (1) Akta, Wakil-wakil Unit hendaklah dilantik oleh pertubuhan itu dan hendaklah memegang jawatan menurut perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan itu.
- (4) Wakil-wakil Unit daripada sesuatu pertubuhan hendaklah mempunyai semua kuasa bagi seseorang Wakil Unit untuk mengundi dan adalah layak untuk menjadi seorang Pengarah Yang Dipilih.
61. (1) Jika, oleh sebab peraturan 28 (1)(b) dan (c) tiada Unit Nelayan ditubuhkan oleh Persatuan Nelayan Kawasan; dan-
- (a) jika hanya satu pertubuhan telah menyertai persatuan Nelayan Kawasan itu sebagai satu Unit Nelayan, pertubuhan itu hendaklah melantik dua orang pengarah kepada Lembaga Yang Dipilih; atau
- (b) jika dua atau lebih pertubuhan telah menyertai Persatuan Nelayan Kawasan itu sebagai Unit Nelayan, tiap-tiap pertubuhan hendaklah melantik seorang pengarah kepada Lembaga Yang Dipilih itu.
- (2) Jika pengarah-pengarah telah dilantik oleh sesuatu pertubuhan kepada Lembaga Yang Dipilih itu, ketika menghitung bilangan pengarah yang akan dipilih disesuatu Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kawasan, perkataan Lembaga Yang Dipilih dalam peraturan 43 ertinya sebagai Lembaga Yang Dipilih sebagaimana yang dinyatakan dalam perlembagaan Persatuan itu ditolak bilangan pengarah-pengarah yang dilantik dalam pertubuhan itu.
62. (1) Seseorang pengarah -
- (a) yang dilantik oleh pertubuhan itu; atau
- (b) yang, selepas dilantik oleh pertubuhan itu sebagai seseorang Wakil Unit, dipilih sebagai seorang pengarah bagi Lembaga Pengarah boleh dibuang daripada jawatannya -
- (i) oleh Persatuan Nelayan Kawasan menurut Akta atau Peraturan peraturan ini; atau
- (ii) oleh pertubuhan itu menurut perlembagaannya.
- (2) Jika pengarah yang telah dibuang itu telah dilantik oleh pertubuhan, pertubuhan itu hendaklah melantik seorang lain sebagai pengarah mengantikannya.
- (3) (a) Jika pengarah yang dibuang itu telah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Kawasan, pertubuhan itu tidaklah berhak melantik seseorang lain mengantikannya.
- (b) Kekosongan yang disebabkan sedemikian hendaklah diisi menurut peraturan 47.
63. (1) Seseorang Wakil Unit telah dilantik oleh sesuatu pertubuhan boleh dibuang daripada jawatannya oleh Persatuan Nelayan Kawasan menurut Akta dan Peraturan-peraturan ini.
- (2) Jika seseorang Wakil Unit telah sedemikian dibuang, pertubuhan itu hendaklah melantik seorang lain menggantikannya.

Wakil-wakil Unit daripada sesuatu Pertubuhan kepada Pertubuhan Nelayan Kawasan

Peruntukan-peruntukan khas jika tiada Unit Nelayan dalam Persatuan Nelayan Kawasan

Peruntukan-peruntukan khas berkenaan Pengarah-pengarah daripada pertubuhan

Pembuangan seseorang Wakil Unit daripada sesuatu pertubuhan

64. Sesuatu pertubuhan boleh dibuang daripada menjadi suatu Unit Nelayan bagi sesuatu Persatuan Nelayan Kawasan - Membuang sesuatu Pertubuhan

- (a) jika ia mengambil bahagian dalam apa-apa perniagaan yang pada pendapat Persatuan itu adalah mudharat kepada kepentingan Persatuan itu;
- (b) jika kelakuan pertubuhan itu adalah memudharatkan nama baik Persatuan itu.

65. Dalam Bahagian ini, tiada pengarah, Wakil Unit atau pertubuhan boleh dibuang daripada jawatan atau dipecat melainkan ianya telah diberi peluang untuk didengari dan acara dalam peraturan 50 hendaklah dipakai. Peruntukan-peruntukan berkenaan pemecatan atau pemuangan

**PU (A) 257
PERATURAN-PERATURAN
PERSATUAN NELAYAN (PINDAAN) 1979**

REVISI
NO. 10/1978
TENTANG

PERATURAN

DAERAH

DI

DAERAH

DAERAH

DAERAH

TARIKH PERSETUJUAN MENTERI . . . 20hb. November, 1978
TARIKH DITERBITKAN DALAM WARTA . . . 11hb. Oktober, 1979

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 23
No. 21

11hb Oktober 1979

TAMBAHAN No. 58
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 257.

AKTA PERSATUAN NELAYAN 1971
PERATURAN-PERATURAN PERSATUAN NELAYAN
(PINDAAN) 1979

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 27 Akta Persatuan Nelayan 1971, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Akta 44

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Persatuan Nelayan (Pindaan) 1979.**

Nama

2. Peraturan 31 Peraturan-peraturan Persatuan Nelayan 1972, yang mana dalam Peraturan-peraturan ini disebut "Peraturan-peraturan ibu", adalah dipinda –

Pindaan bagi Peraturan
31. P.U. (A) 164.72

- (i) dengan menggantikan perenggan (2) dengan yang berikut – "(2) Bilangan pengarah-pengarah yang dipilih hendaklah ditentukan oleh perlembagaan tiap-tiap Persatuan".
- (ii) dengan menggantikan perenggan (4) dengan yang berikut – "(4) Korum bagi mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah ialah tidak kurang daripada setengah dari bilangan Pengarah-pengarah, walaupun bahawa mungkin ada kekosongan dalam Lembaga itu atau tiada perlantikan pengarah dibuat oleh Menteri".

3. Peraturan-peraturan ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja peraturan 32 suatu peraturan 32A baru–

Peraturan 32A baru

32A. Walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam Peraturan-peraturan ini atau perlembagaan sesuatu Persatuan Menteri boleh, jika ia fikirkan perlu bagi kepentingan Persatuan itu untuk berbuat demikian, memecat atau menggantung mana-mana ahli Lembaga atau lain-lain pegawai bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan olehnya."

Kuasa menteri untuk
memecat,
menggantung mana-
mana ahli Lembaga
atau lain-lain pegawai

4. Peraturan 34 Peraturan-peraturan ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (4) (a) dengan yang berikut –

Pindaan bagi
Peraturan 34

"(4) (a) Korum bagi mana-mana mesyuarat agung ialah tidak kurang daripada satu pertiga dari ahli-ahli yang layak mengundi di bawah peraturan 33 atau tiga puluh orang ahli, mengikut mana yang kurang; bagi cadangan untuk meminda perlembagaan korum ialah tidak kurang daripada setengah dari ahli-ahli Persatuan."

5. Peraturan 35 Peraturan-peraturan ibu adalah dipinda—

Pindaan bagi
Peraturan 35

(i) dengan menggantikan perenggan 3 dengan yang berikut—

"(3) Jika mesyuarat itu diadakan oleh ahli-ahli dan tidak terdapat korum, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan.;

(ii) dengan menambah suatu perenggan (4) baru—

"(4) Jika mesyuarat itu diadakan di bawah peraturan 35 (1) (a) atau (b) dan tidak terdapat korum, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh sekurang-kurangnya tujuh hari tetapi tidak lebih daripada empat belas hari daripada tarikh mesyuarat yang pertama itu dan di mesyuarat yang ditangguhkan itu urusan yang akan diuruskan hendaklah urusan yang dijadualkan bagi mesyuarat yang pertama itu."

(iii) dengan menambah suatu perenggan (5) baru—

"(5) Di mesyuarat yang ditangguhkan itu mana-mana ahli yang hadir hendaklah disifatkan sebagai suatu korum dan apa-apa keputusan hendaklah diluluskan oleh dua pertiga majoriti ahli-ahli yang hadir dan layak mengundi kecuali tiada pindaan bagi perlembagaan boleh dibuat melainkan jika setengah daripada ahli-ahli itu hadir."

6. Peraturan-peraturan ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja peraturan 52 peraturan 52A baru yang berikut—

Peraturan 52A baru

52A. (1) Pendaftar boleh —

- (a) jika ia berpuashati bahawa perlembagaan mana-mana Persatuan adalah samar atau was-was dari segi tafsiran dan mungkin mengelirukan atau bahawa perlembagaan itu bertentangan dengan atau tidak bersesuaian dengan peruntukan-peruntukan Akta atau Peraturan-peraturan ini; atau
- (b) jika ia berpendapat bahawa suatu pindaan adalah perlu atau dikehendaki demi kepentingan Persatuan,

Kuasa pendaftar untuk
mengarahkan
mesyuarat
agung untuk meminda
perlembagaan

mengarahkan Persatuan itu mengadakan suatu mesyuarat agung dalam apa-apa tempoh yang boleh ditetapkan bagi maksud meminda perlembagaan Persatuan itu.

(2) Jika mesyuarat tidak diadakan dalam tempoh yang ditetapkan, Pendaftar boleh meminda perlembagaan itu mengikut kehendaknya sendiri dan pindaan tersebut hendaklah disifatkan sebagai pindaan berdaftar.

Diperbuat pada 20hb November 1978
[KP.O.757-(96),PN (PU) 99.Pt.II.]

DATO' SHARIFF AHMAD,
Menteri Pertanian